



KHN 0038/1

20 Januari 2021

YA Hakim-Hakim
Mahkamah Persekutuan

YA Hakim-Hakim
Mahkamah Rayuan

YA Hakim-Hakim/Pesuruhjaya Kehakiman
Mahkamah Tinggi
Seluruh Malaysia

Hakim Mahkamah Sesyen
Mahkamah Sesyen
Seluruh Malaysia

Majistret
Mahkamah Majistret
Seluruh Malaysia

Pegawai Khas/ Pegawai Penyelidik/ Timbalan Pendaftar/
Penolong Kanan Pendaftar
Mahkamah Persekutuan/Mahkamah Rayuan/
Mahkamah Tinggi/Mahkamah Rendah Seluruh Malaysia

**ARAHAN MENGENAI PENGENDALIAN PROSIDING KES JENAYAH DI MAHKAMAH
SEMASA TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)**

1. PENDAHULUAN

Bagi memastikan sistem keadilan jenayah tidak terjejas dan diteruskan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 16A Akta Mahkamah Kehakiman 1964 [Akta 91] dan seksyen 3A Akta Mahkamah Rendah 1948 [Akta 92] yang diubah suai melalui Akta Langkah-Langkah Sementara Bagi Mengurangkan Kesan Penyakit Koronavirus 2019 (Covid-19) 2020

[Akta 829], saya mengeluarkan Arahan ini bagi memperuntukkan mengenai pengendalian prosiding kes jenayah di Mahkamah semasa tempoh PKP.

2. PEMAKAIAN

2.1 Arahan ini terpakai bagi semua prosiding kes jenayah yang dijalankan di Mahkamah-Mahkamah yang berada di negeri-negeri dan daerah-daerah di bawah PKP.

2.2 Arahan ini hendaklah dibaca bersama Arahan-Arahan Berhubung Dengan Pengendalian Kes Semasa Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dikeluarkan bertarikh 12 Januari 2021.

3. JENIS KES MENGIKUT KEUTAMAAN

3.1 Semua prosiding kes jenayah di Mahkamah terbuka akan terus dijalankan dengan keutamaan diberikan kepada kes-kes yang berikut:

- (a) kes-kes pra-2020 dengan keutamaan kepada kes-kes sambung bicara;
- (b) kes-kes melibatkan pesalah kanak-kanak;
- (c) kes-kes kepentingan awam merangkumi kes-kes rasuah, jenayah komersial, alam sekitar, *Habeas Corpus*, keganasan rumah tangga, pelanggaran Peraturan-Peraturan yang diperbuat di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342], dsb.; dan
- (d) mana-mana kes yang dipohon oleh pihak-pihak untuk dijalankan atas sebab-sebab yang khas dan hal keadaan tertentu (*exceptional circumstances*).

- 3.2 Walau apa pun, Mahkamah mempunyai budi bicara untuk menentukan mana-mana kes yang akan dijalankan di Mahkamah terbuka semasa pelaksanaan PKP.

4. PENGURUSAN KES

- 4.1 Pengurusan kes boleh dijalankan secara fizikal atau melalui teknologi komunikasi jarak jauh mengikut kesesuaian kes dan pihak-pihak yang terlibat.
- 4.2 Pengurusan kes hendaklah dijalankan sekurang-kurangnya tiga (3) hari atau dalam apa-apa tempoh masa yang bersesuaian sebelum perbicaraan untuk mengelakkan sebarang penangguhan pada saat-saat akhir.
- 4.3 Pengurusan kes hendaklah dijalankan bagi tujuan yang berikut:
- (a) membuat penentuan pihak-pihak dan bilangan orang yang terlibat dalam sesuatu prosiding;
 - (b) mendapatkan maklumat mengenai anggaran masa yang akan diambil untuk keseluruhan prosiding;
 - (c) mendapatkan maklumat mengenai bilangan saksi yang terlibat dan anggaran tempoh masa yang diambil bagi satu-satu saksi;
 - (d) mendapatkan maklumat mengenai keperluan untuk mendapatkan khidmat jurubahasa asing, sekiranya diperlukan oleh tertuduh atau saksi semasa memberikan keterangan;
 - (e) mendapatkan maklumat daripada institusi penjara berhubung dengan status ujian saringan COVID-19 yang telah dijalankan ke atas tertuduh yang ditahan di penjara bagi tujuan pengemukaan ke Mahkamah;

- (f) jika pihak-pihak yang terlibat dalam prosiding adalah termasuk dalam kategori berisiko dan menyukarkan kehadirannya ke Mahkamah, permohonan awal untuk penangguhan hendaklah dibuat;
- (g) mengingatkan pihak-pihak akan keperluan untuk mematuhi secara ketat semua garis panduan, tatacara operasi standard dan arahan berkaitan dengan wabak COVID-19 yang dikeluarkan oleh Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia (PKPMP), Kementerian Kesihatan Malaysia, Majlis Keselamatan Negara dan Agensi-Agensi yang berkaitan; dan
- (h) apa-apa pertimbangan lain yang difikirkan sesuai dan wajar oleh Mahkamah.

5. TATACARA PENGENDALIAN KES

5.1 Permohonan jenayah

Semua pendengaran permohonan dalam kamar bagi kes jenayah hendaklah dibuat di Mahkamah terbuka atau melalui teknologi komunikasi jarak jauh.

5.2 Prosiding

5.2.1 Semua prosiding yang telah dijadualkan hendaklah dijalankan sehingga selesai mengikut tempoh masa yang ditetapkan dan sebarang penangguhan adalah tidak dibenarkan.

5.2.2 Dalam satu hari, sebanyak tiga sesi perbicaraan akan diadakan dengan tempoh maksimum selama sembilan puluh (90) minit bagi setiap sesi perbicaraan. Masa rehat akan diberikan antara setiap sesi perbicaraan.

5.2.3 Sebelum prosiding dijalankan, Mahkamah hendaklah memastikan perkara-perkara yang berikut:

- (a) tiada seorang pun dibenarkan hadir ke prosiding di Mahkamah terbuka kecuali—
 - (i) tertuduh dan dua orang ahli keluarga/ kawan/ kenalan tertuduh;
 - (ii) seorang Timbalan Pendakwa Raya atau apa-apa bilangan yang dibenarkan oleh Mahkamah;
 - (iii) seorang peguam bagi pihak tertuduh atau apa-apa bilangan yang dibenarkan oleh Mahkamah; dan
 - (iv) saksi-saksi yang terlibat;
- (b) pihak-pihak hendaklah hadir mengikut masa yang ditetapkan oleh Mahkamah dan tidak dibenarkan untuk berada di dalam Mahkamah terbuka kecuali apabila kes mereka dipanggil; dan
- (c) pada satu-satu masa, hanya dua orang saksi yang dibenarkan untuk menunggu di bilik saksi dengan pematuhan kepada keperluan penjarakan fizikal.

5.2.4 Timbalan Pendakwa Raya dan peguam hendaklah memastikan bahawa saksi mereka hanya hadir ke Mahkamah pada hari yang diperlukan sahaja untuk memberikan keterangan.

5.2.5 Jurubahasa hendaklah sentiasa menjalankan tugas dari meja jurubahasa di dalam Mahkamah terbuka termasuklah apabila membaca pertuduhan kepada Orang Kena Tuduh (OKT).

5.3 Budi bicara Mahkamah

Walau apa pun peruntukan yang terkandung dalam Arahan ini, Mahkamah boleh menggunakan budi bicara dalam menentukan tatacara dan perkara berkaitan pengendalian prosiding di Mahkamah terbuka.

6. PEMBATALAN

Arahan ini membatalkan perenggan 4(e) Arahan-Arahan Berhubung Dengan Pengendalian Kes Semasa Tempoh PKP yang telah dikeluarkan pada 12 Januari 2021.

7. TARIKH PERMULAAN KUAT KUASA

Arahan ini mula berkuat kuasa pada **27 Januari 2021**.



TUN TENGKU MAIMUN BINTI TUAN MAT
Ketua Hakim Negara
Istana Kehakiman
Putrajaya

SALINAN KEPADA:

YAA Presiden Mahkamah Rayuan
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
Putrajaya

YAA Hakim Besar Malaya
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
Putrajaya

YAA Hakim Besar Sabah dan Sarawak
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
Putrajaya

YBhg. Peguam Negara
Jabatan Peguam Negara Malaysia
No.45, Persiaran Perdana
Presint 4, 62100, Putrajaya

Semua YA Hakim Pengurus
Mahkamah Persekutuan
Istana Kehakiman
Putrajaya

Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan
Istana Kehakiman
Putrajaya

Timbalan Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan
Istana Kehakiman
Putrajaya

Timbalan Kanan Pendaftar
Mahkamah Persekutuan
Istana Kehakiman
Putrajaya

Pendaftar
Mahkamah Rayuan
Istana Kehakiman
Putrajaya

Pendaftar
Mahkamah Tinggi Malaya
Istana Kehakiman
Putrajaya

Pendaftar
Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak
Kota Kinabalu
Sabah

Pendaftar
Mahkamah Rendah Malaya
Istana Kehakiman
Putrajaya

Pendaftar Mahkamah Rendah Sabah dan Sarawak
Kota Kinabalu
Sabah

Pustakawan
Mahkamah Persekutuan
Istana Kehakiman
Putrajaya

Yang Dipertua
Majlis Peguam Malaysia
Kuala Lumpur

Presiden
Sabah Law Society
Sabah

Presiden
Advocates Association of Sarawak
Sarawak